



**JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**



**EMBARGO: Tidak dibenarkan untuk  
diterbitkan atau disiarkan sebelum 11.00  
pagi hari Isnin, 9 September 2024.**

**SIARAN MEDIA  
PELANCARAN LAPORAN PASARAN HARTA SEPARUH PERTAMA 2024**

**NILAI TRANSAKSI HARTA TANAH SEPARUH PERTAMA 2024, TERTINGGI  
DALAM TEMPOH 5 TAHUN, MELEBIHI PARAS RM100 BILION**

---

**KAJANG, 9 September 2024** – Laporan Pasaran Harta Separuh Pertama 2024 oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) menunjukkan pertumbuhan tertinggi bilangan dan nilai transaksi harta tanah Malaysia dalam tempoh lima tahun, menokok 8.0% dan 23.8% kepada 198,906 transaksi bernilai RM105.65 bilion berbanding Separuh Pertama 2023.

YB Puan Lim Hui Ying, Timbalan Menteri Kewangan, telah menyempurnakan Pelancaran Laporan Pasaran Harta Separuh Pertama 2024 dan merasmikan *International Real Estate Research Symposium* (IRERS 2024), serta Sambutan Jubli Perak Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) di Institut Penilaian Negara (INSPEN) hari ini.

“Pencapaian tertinggi pasaran harta tanah pada Separuh Pertama 2024 didorong oleh pertumbuhan kukuh 5.9% ekonomi Malaysia yang membuktikan Malaysia berada pada landasan yang betul untuk mencapai transformasi ekonomi negara berdasarkan kerangka Ekonomi MADANI. Sokongan berterusan kerajaan melalui pelaksanaan langkah Belanjawan 2024, termasuk menyediakan jaminan sehingga RM10 bilion di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP), pengendalian kadar dasar semalaman (OPR) pada 3.0% serta dasar fiskal termasuk pengecualian duti setem dokumen pindah milik bagi pembelian rumah pertama, menjadi pemangkin pasaran harta tanah yang lebih kukuh,” YB Timbalan Menteri Kewangan mengulas berhubung prestasi Laporan Pasaran Harta Separuh Pertama 2024.

Intipati lain prestasi pasaran harta tanah Separuh Pertama 2024 adalah:

- **Prestasi aktiviti pasaran** mengikut subsektor menunjukkan **peningkatan** dengan mencatat pertumbuhan **yang kukuh** tahun ke tahun iaitu subsektor kediaman (6.1%), komersial (22.4%), industri (2.3%), pertanian (6.5%) dan tanah pembangunan (12.1%).
- **Nilai transaksi merekodkan peningkatan lebih tinggi** bagi semua subsektor iaitu subsektor kediaman (10.4%), komersial (41.5%), industri (23.4%), pertanian (37.8%) dan tanah pembangunan (59.3%).
- **Prestasi kediaman siap dibina tidak terjual (overhang)** turut memperlihatkan **momentum yang lebih memberangsangkan**. Unit siap dibina tidak terjual merekodkan penurunan kepada **kepada 22,642 unit bernilai RM14.24 bilion**, berbanding 25,816 unit bernilai RM17.68 bilion pada H2 2023.
- Segmen **aktiviti pembinaan bagi harta tanah kediaman sangat menggalakkan** apabila semua peringkat pembinaan menunjukkan pertumbuhan positif.
- **Prestasi penghunian kompleks perniagaan** merekodkan **peningkatan marginal**. **Kadar penghunian** kompleks perniagaan merekodkan 78.1% berbanding 76.6% pada tempoh sebelumnya. Sebaliknya, kadar penghunian **pejabat binaan khas milik persendirian** mencatat 71.6% berbanding 72.4% yang direkodkan pada tempoh sebelumnya.
- **Data awalan Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM)** pada H1 2024 berada pada paras **218.7** mata (harga purata RM471,918 seunit) dengan pertumbuhan **tahunan pada kadar 0.9%**. Semua negeri menyaksikan pertumbuhan positif yang sederhana kecuali WP Kuala Lumpur, yang mencatat penguncupan 0.8%. Mengikut jenis harta, rumah berkembar, teres dan sesebuah kekal stabil dengan pertumbuhan positif masing-masing pada 2.6%, 1.1% dan 0.5%, manakala jenis rumah bertingkat tinggi merekod penurunan marginal.

### **Aspirasi Ekonomi MADANI Pemangkin Pasaran Harta Tanah Bertambah Baik**

Prestasi pasaran harta tanah bertambah baik secara keseluruhan, didorong oleh prestasi transaksi yang positif di semua subsektor, dan aktiviti pembinaan yang menggalakkan. Namun masih ada risiko dan cabaran ekonomi global serta persekitaran luaran yang sukar diramal.

YB Puan Lim Hui Ying berkata kerajaan MADANI telah memperkenalkan pelbagai usaha dan inisiatif bagi memacu ekonomi Malaysia dan sekaligus menggalakkan pengembangan pasaran harta tanah di seluruh negara melalui kerangka Ekonomi MADANI, menambahbaik fleksibiliti syarat-syarat permohonan bagi program Malaysia My Second Home (MM2H), membangunkan Zon

Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), projek perindustrian utama di wilayah utara, Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dan mewujudkan Zon Kewangan Khas di Forest City. Bagi menyokong permintaan harta tanah, perkembangan positif dalam pembangunan seperti projek Rapid Transit Link (RTS) di Johor dan projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak dijangka akan terus memangkin peningkatan ekonomi dan pasaran harta tanah negara.

Laporan Pasaran Harta dan semua penerbitan lain boleh dilayari melalui portal rasmi NAPIC di <https://naptic2.jpph.gov.my>.

**Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)**  
**Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH)**  
**Kementerian Kewangan Malaysia**  
**9 September 2024**